

→ VIRAL DI FB

Anak kambing cacat tiada DNA manusia

BH

14/5/2016

→ KP veterinar perjas haiwan viral
di FB tidak normal dalam rahim ibu

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Anak kambing yang dilahirkan seakan-akan wajah manusia sebenarnya mengalami kecacatan ketika dalam rahim ibu dan bukan mempunyai DNA manusia seperti didakwa di laman sosial, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Kamarudin Md Isa, berkata bedah siasat ke atas bangkai anak kambing itu pada 26 April lalu di Makmal Veterinar Johor Bahru, mendapati genetik kambing berkenaan tidak normal.

Katanya, berdasarkan pemeriksaan ke atas paru-paru anak kambing itu, haiwan berkenaan mati dalam kandungan ibu.

Kecacatan adalah biasa

"Perkara ini (kecacatan) adalah lumrah, ia boleh terjadi kepada manusia. Peratusan kejadian ini berlaku amat rendah dan tidak sampai satu peratus pun," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Dr Kamarudin berkata, berbagai faktor menyebabkan anak kambing mengalami kecacatan, termasuk kesan psikologi ketika ibu kambing berkenaan bunting yang menyebabkan pembentukan janin

tidak lengkap.

"Selain itu, kekurangan makanan, jangkitan ketika bunting dan kekurangan zat tertentu boleh menyebabkan terbentuk kegajililan pada janin.

Otot muka tidak terbentuk

"Rupa (wajah) dan kaki anak kambing itu juga tidak lengkap, manakala otot muka juga tidak terbentuk, sekali gus menyebabkan mukanya mirip kepada manusia, seperti yang dikhabarkan," katanya.

Pada 24 April lalu, media melaporkan seorang peneroka di FELDA Sungai Mas, Kota Tinggi, Johor, terkejut apabila mendapati kambing peliharaannya melahirkan seekor anak berwajah pelik yang didakwa seakan-akan manusia, termasuk berhidung kemek dan berkaki pendek.



Laporan BH mengenai anak kambing berwajah manusia pada 24 April lalu.